



Ruj. Kami : JPNS.SPM.800-3/1/1 Jld.5 (85)

Tarikh : 28 Ogos 2023

YBhg. KJP Datuk Haji Nordin bin Haji Muhamad

Komisioner Jeneral Penjara Malaysia

Ibu Pejabat Penjara Malaysia

Jalan Kajang-Semenyih Bypass

43000 Kajang

Selangor Darul Ehsan



Tn. Nordin bin Haji Muhamad

YBhg. Datuk,

UCAPAN PENGHARGAAN TERHADAP SUMBANGAN DALAM CERAMAH DAN AKTIVITI BAGI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sepanjang tahun 2023, Inspektor Ku Iskandar Zulkarnain bin Ku Aziz dari Bahagian Pembangunan dan Perolehan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia telah memenuhi jemputan dan memberikan ceramah berkaitan disiplin, motivasi dan pengajaran dalam membentuk sahsiah diri serta pembentukan karekter murid ke arah positif di 15 buah sekolah rendah dan menengah di negeri Selangor.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas usaha dan komitmen pihak Ibu Pejabat Penjara Malaysia dalam membantu pembentukan sahsiah diri murid yang positif di sekolah-sekolah negeri Selangor. Harapan pihak kami agar program ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi berkongsi kepakaran yang ada di pihak Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh rujuk **En. Norizwan Bin Anuar** melalui talian **0355186203**, di Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak YBhg. Datuk dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. JAFRI BIN ABU)

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

NBA/SS/25082023

DR. KENON RUDU
DR. KPMB
[Signature]
KJP DATUK HAJI NORDIN BIN HAJI MUHAMAD
KOMISIONER JENERAL PENJARA
MALAYSIA

